



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN HARI KEDUA MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS KHAMIS, 9 NOVEMBER 2017 (20 SAFAR 1439H) JAM 9:00 PAGI

1. **Bacaan Doa oleh Setiausaha DUN Sarawak**
2. **Pemasyhuran oleh Tuan Speaker**
3. **Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan**

YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 - REPOK)

1. **Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**
Apakah perkembangan pembinaan jalan dari Sarikei ke Tanjung Manis susulan dengan Sesi Dialog Cadangan Pembinaan Jambatan Batang Rajang yang diadakan di Sarikei pada 25 Julai 2017 yang lepas?

YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 - KABONG)

2. **Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:**
Apakah perancangan Kerajaan untuk melepaskan benih Ikan/Udang dalam sungai-sungai di DUN Kabong memandangkan populasi ikan semakin berkurangan?

YB IR CHRISTOPHER GIRA SAMBANG (N.59 - TAMIN)

3. **Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:**
Adakah Kerajaan akan membina kemudahan awam seperti berikut:
(a) Kemudahan Tandas Awam di Pekan Stapang dan Pekan Selangau; dan
(b) Tebingan Sungai Mukah (Selangau Waterfront) di Pekan Selangau?

YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 - LAMBIR)

4. **Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan:**
Apakah usaha dan tindakan Kementerian dan Kerajaan dalam meningkatkan kualiti barangan dan pemasaran produk-produk usahawan kecil dan sederhana terutama dari segi packaging dan branding?

YB ENCIK RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 - BETING MARO)

5. **Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian:**
(a) Apakah perancangan kerajaan untuk menjayakan Projek Rural Growth Centre (RGC) Beladin di masa hadapan?
(b) Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Projek Pertanian Bersepadu dengan infrastruktur pertanian moden di RGC Beladin untuk membolehkan pertanian komersial skala besar dijalankan?

YB DATO SRI HAJI MOHAMMAD ALI MAHMUD (N.17 - STAKAN)

6. Bertanya kepada Ketua Menteri:

Memandangkan pembangunan pesat serta pertambahan penduduk di DUN Stakan, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebuah Balai Polis untuk perkhidmatan yang lebih efektif kepada masyarakat?

YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 - BUKIT ASSEK)

7. To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation:

Does the Government have any plan to build a fly-over in Sibu, especially in the Central Business District (CBD) area, to improve the road system in Sibu? If not, what is the Government's plan to reduce the traffic congestion in Sibu?

YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2-TASIK BIRU)

8. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

What is the status of the allocation of RM129 million announced by the Prime Minister during the Tanjung Datu by-election for Rural Water Supply or Bekalan Air Luar Bandar projects in DUN Tasik Biru and DUN Tanjong Datu through Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)?

YB DATO RANUM AK MINA (DUN N.1 OPAR)

9. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli:

Bilakah Bandar Baru Opar yang dilaksanakan oleh Land Custody and Development Authority (LCDA) dijangka siap sepenuhnya?

YB ENCIK MOHAMMAD RAZI SITAM (N.35 SARIBAS)

10. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak:

- (a) Apakah usaha Kerajaan negeri untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negeri ini?
- (b) Berapakah kes tangkapan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2016 dan 2017 khususnya di Daerah Betong?

YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 - BATU LINTANG)

11. To ask the Minister for Local Government and Housing:

- (a) How much was expended for the "Flash Flood Mitigation Projects under Cabinet Committee 2017 Funded" throughout Sarawak?
- (b) What are the numbers and how are the progresses of the implementation in the various divisions?

YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 - MUARA TUANG)

12. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Apakah rancangan Kerajaan untuk memberi peluang terbaik bagi golongan yang memerlukan memiliki rumah mampu milik skim yang dibenarkan dengan kadar bayaran ansuran yang munasabah?

YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 - DARO)

13. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan:

Berapakah jumlah peserta (usahawan) yang telah diluluskan pembiayaan kredit mikro daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di DUN Daro? Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah peserta yang telah berjaya meningkatkan taraf hidup mereka atau menjadi usahawan yang berjaya?

YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 - JEMORENG)

14. Bertanya kepada Ketua Menteri:

- (a) Apakah pelan Kerajaan untuk mewujudkan brand halal Sarawak yang tersendiri memandangkan urusan agama adalah hak negeri dan negeri berhak mengeluarkan sijil halal sendiri?
- (b) Apakah spesifikasi halal Sarawak ini nanti akan terikat dengan spesifikasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)?

YB DATUK AMBROSE BLIKAU ENTURAN (N.62 - KATIBAS)

15. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Bilakah Sarawak Rural Electrification Scheme (SARES) yang dilaksanakan di kawasan-kawasan seperti berikut akan dimulakan:-

- (a) ke Ulu Lajan, Rh. Buni, Rh. Semingat dan Rh. Saing?
- (b) SK Ng. Embuaw, Rh. Kulleh dan Rh. Tarang?
- (c) ke Rh. Ngelambong, Off Kapit/ Song Road?

YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 - LAYAR)

16. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Apakah perancangan Kerajaan untuk menaiktaraf Jalan Linsum Ulu Spak ke Jalan berturap premix?

YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 – DUDONG)

17. To ask the Chief Minister:

What is the status of the implementation of Sarawak's Digital Payment system, Sarawak Pay?

YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ (N.38 - KALAKA)

18. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli:

- (a) Apakah perancangan Kerajaan pada masa akan datang bagi mengatasi masalah kekurangan lot-lot tanah untuk perumahan bagi masyarakat Melayu di kampung-kampung Saratok?
- (b) Dimanakah lokaliti kawasan tanah yang hendak dibangun untuk tujuan tersebut?

YB DR HAZLAND BIN ABANG HIPNI (N.5 – DEMAK LAUT)

19. To ask the Minister for Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development:

Does the State Government plan to introduce a better pre-school syllabus?

YB IR AIDEL LARIWOO (N.24 - SADONG JAYA)

20. Bertanya kepada Ketua Menteri:

Apakah inisiatif dan usaha-usaha Kerajaan untuk menangani dan membasmi masalah miskin Bandar (*urban poverty*)?

YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 - KRIAN)

21. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

- (a) Berapakah bilangan terkini peminjam dan jumlah pinjaman loan rumah panjang di DUN Krian?
- (b) Adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula skim bayaran balik pinjaman dan menukarnya menjadi subsidi bantuan perumahan, terutamanya pinjaman berjumlah RM5,000 yang sekian lama tetapi belum habis dibayar?

YB ENCIK JOHNNICAL RAYONG NGIPA (N.33 - ENKKILILI)

22. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air bersih sejak kebelakangan ini yang sering berlaku di DUN Engkilili?

YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 - BATU DANAU)

23. Bertanya kepada Ketua Menteri:

- (a) Apakah status terkini mengenai persetujuan Kerajaan Pusat untuk meningkatkan pengisian jawatan Pengurusan dalam Petronas dengan anak-anak Sarawak kepada 60% menjelang 2020?
- (b) Daripada 192 jawatan yang dinyatakan kosong pada ketika itu, berapakah telah diisi dengan calon-calon daripada anak Sarawak?

YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

24. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Apakah cadangan Kerajaan untuk membina baru jalan sepanjang 4.5km yang menghubungkan Jambatan Sageng ke Pusat Pentadbiran di Gunung Ngeli?

YB DATUK MONG DAGANG (N.31-BUKIT BEGUNAN)

25. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

What are the actions taken by the Government to address the issue complaint by the people in Kampung Bakong and the surrounding longhouses along Sri Aman/ Lingga road on the constant disruptive supply of treated water especially during the dry season where the tap run dry?

YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 - MELUAN)

26. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina jalan di SK Nanga Entaih ke SK Ulu Entabai dan ke Rumah Sang Rantau Chire Ulu Entabai sepanjang lebih kurang 16 km?

YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH BT. HAJI ANU (N.3 - TANJUNG DATU)

27. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

When will the Bau-Lundu Water Supply master plan actually materialise and executed to solve the issue of water supply disruption in Sematan?

YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 - KEDUP)

28. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak:

Berapakah jumlah penerima bantuan e-Kasih di Daerah Serian dan Tebedu dan sejauh manakah impak e-Kasih mencapai objektif?

YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 - TELANG USAN)

29. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak:

Berapakah jumlah operasi, pengedar dadah pelbagai dan penagih yang telah ditangkap dalam usaha membasmi gejala bahaya dadah di Luar Bandar di Daerah Baram dalam tahun 2015, 2016, 2017?

YB ENCIK JEFFERSON JAMIT AK UNYAT (N.63 - BUKIT GORAM)

30. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mewujudkan pejabat untuk Lembaga Pelancongan Sarawak (STB), memandangkan Kapit mempunyai banyak tempat-tempat

menarik sebagai tarikan pelancongan?

YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 - MACHAN)

31. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

- (a) What remedial actions are taken to ensure that longhouse approved for Sarawak Rural Electrification Scheme (SARES) with internal wiring done, are duly connected to supply line and provided with meters without much delay?
- (b) What has been the reason for the delay in our rural electrification program?

YB ENCIK BARU BIAN (N.81 - BA' KELALAN)

32. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

- (a) Why did the Government reverse the former Chief Minister's decision of no more dams?
- (b) What is the capacity and cost of the proposed Trusan Dam?
- (c) Have the Environmental Impact Assessment (EIA) and Social and Environmental Impact Assessment (SEIA) with consultation of those affected been done?

YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 - MURUM)

33. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

- (a) Adakah Kerajaan telah menjalankan kajian R&D tentang potensi yang dapat dibangunkan di Tasik Bakun dan Murum serta kawasan sekitarnya?
- (b) Adakah Kerajaan telah mempunyai master plan untuk pembangunan eko-pelancongan di Tasik Bakun dan Murum?

YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 - LINGGA)

34. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Bilakah Kerajaan Negeri akan menaiktaraf jalan pesisir Triso/Maludam? Kalau ada perancangan untuk menaiktaraf jalan ini bila dan berapakah bajet atau kos yang diluluskan?

YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 - SEREMBU)

35. To ask the Minister for Urban Development and Natural Resource:

- (a) What is the standard procedure for blasting quarry operations throughout the State?
- (b) Is there any periodical environmental monitoring conducted for all quarry operations and how can the public access those report for their own concern and awareness?

YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 - MERADONG)

36. To ask the Minister for Local Government and Housing:

What is the latest status of the Drainage and Irrigation Master Plan for Meradong? And when will it be implemented?

YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 - BALINGIAN)

37. Bertanya kepada Ketua Menteri:

- (a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Bangunan Pejabat Daerah Kecil Balingian dan Rumah Rehat Kerajaan?
- (b) Sekiranya ada, bilakah ianya dapat dilaksanakan?

YB ENCIK YUSSIBNOSH BIN BALO (N.57 - TELLIAN)

38. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

Berapakah bajet untuk membangunkan penanaman Rumbia di Sarawak dan di manakah kawasan yang terlibat?

YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 - SAMALAJU)

39. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Bilakah pemasangan paip bekalan air bersih bagi kawasan Suai dan LKTS Suai akan bermula?

YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 - BUKIT SEMUJA)

40. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan atau mengadakan aktiviti-aktiviti sukan berbasikal peringkat antarabangsa sama ada 'road race' atau 'off road' di negeri ini?

YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 - TUPONG)

41. Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

Berapakah peratus pelajar luar bandar dan dalam bandar yang menerima bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Termiskin?

YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 - PELAGUS)

42. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Insfrastruktur Dan Pengangkutan:

Adakah Kerajaan menyediakan peruntukan bagi membersihkan kapal tongkang yang tenggelam di sepanjang sungai Baleh di Bahagian Kapit?

YB ENCIK ALEXANDER VINCENT (N.49- NGEMAH)

43. To ask the Chief Minister:

Is there any plan by the Government to increase the number of post for the Community leaders ("Ketua Masyarakat atau Ketua Kaum") in the near future in Sarawak?

YB DATUK SEBASTIAN TING CHIEW YEW (N.73 - PIASAU)

44. To ask the Minister for Local Government and Housing:

How many affordable houses are planned for Miri for the year 2018, 2019, 2020 and 2021 as affordable housing is very important for all Sarawakians throughout Sarawak?

YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 - KABONG)

45. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli:

Adakah Kerajaan bercadang untuk mengenalpasti dan menyediakan tapak perumahan untuk memindahkan penduduk sesebuah kampung yang terlalu ramai dan padat seperti Kampung Kabong yang mempunyai 1396 buah rumah dan penduduknya seramai 6848 orang?

YB IR CHRISTOPHER GIRA SAMBANG (N.59 - TAMIN)

46. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Adakah Kerajaan akan membina kompleks sukan di Selangau memandangkan Daerah Selangau tidak mempunyai kemudahan sukan?

YB ENCIK JEFFERSON JAMIT AK UNYAT (N.63 - BUKIT GORAM)

47. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menambah bilangan Rumah Mesra Rakyat yang telah siap dibina beberapa tahun dahulu di Kapit?

YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 - REPOK)

48. To ask the Minister for Education, Science and Technological Research:

Is there any plan to build a Technical/Vocational School in Sarikei as the Government had already allocated a vacant land in Lot 365, Block 59, Meruton, Sarikei Land District for the purpose of building a vocational school?

YB ENCIK RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 - BETING MARO)

49. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Adakah Kerajaan bercadang untuk:

- (a) membina Jambatan Paloh/ Kabong di Muara Sg. Krian?
- (b) menaiktaraf Jalan Penghubung Desa Batang Maro-Paloh/ Pusa–Sesang bagi menghubungkan Kpg Papat, Batang Maro, Paloh dan Kabong?
- (c) mengangkat jalan ini sebagai jajaran Jalanraya Pesisir yang menghubungkan terus Pusa dan Kabong melalui Jambatan Paloh/ Kabong.

YB DATO RANUM AK MINA (DUN N.1 OPAR)

50. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Bilakah pelaksanaan pembinaan jalanraya perhubungan melalui Kampung Pasir Hilir, Kampung Kendaie dan seterusnya ke Kampung Selampit di Daerah Lundu?

YB ENCIK MOHAMMAD RAZI SITAM (N.35 SARIBAS)

51. Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

Berapakah jumlah sekolah rendah di DUN Saribas yang dicadangkan untuk konsep penggabungan sekolah (merging school) dan yang akan dinaiktaraf?

YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 - MUARA TUANG)

52. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Apakah perancangan dan strategi khusus Kerajaan khususnya dalam “Education Tourism” bagi kawasan Samarahan yang merangkumi 6 kawasan DUN terutamanya kawasan yang terkenal sebagai “Gedung Ilmu” atau “Education Hub” dengan adanya institusi-institusi tinggi untuk lima tahun yang akan datang dan seterusnya?

YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 - DARO)

53. Bertanya Kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli:

Bilakah Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) akan melaksanakan pembinaan projek bandar baru fasa 2 di DUN Daro dan apakah kompenan bagi projek tersebut nanti?

YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 - JEMORENG)

54. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

- (a) Apakah tindakan Kerajaan bagi meningkatkan hasil pertanian dan pendapatan petani?
- (b) Berapakah jumlah petani yang berdaftar dalam negeri khususnya di DUN Jemoreng?
- (c) Apakah bidang yang telah dan akan dibantu Kerajaan bagi merubah taraf pendapatan petani tradisi kepada petani moden?

YB DATUK AMBROSE BLIKAU ENTURAN (N.62 - KATIBAS)

55. Bertanya kepada Ketua Menteri:

Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan untuk membeli baru atau menggantikan senapang patah?

YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 - LAYAR)

56. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Dewan Panglima Rentap Betong kepada dewan yang lebih besar dan luas sejajar dengan pertambahan penduduk Bahagian Betong?

YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 – DUDONG)

57. To ask the Minister for Utilities Sarawak:

Is it possible for the Government to consult Sarawak Energy Berhad to lower the tariff rate of electricity for street lighting as the current rate is much higher than the rate of Industrial and Household Electricity and has burdened the local council?

YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ (N.38 - KALAKA)

58. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf perparitan kawasan Kalik-Kaba Saratok dan membina perparitan baru dari Kalik-Kaba ke Kampung Hilir Kupang sejauh 15km supaya kawasan tersebut dibangunkan bagi tujuan aktiviti pertanian yang akan menjana pendapatan penduduk di situ?

YB IR AIDEL LARIWOO (N.24 - SADONG JAYA)

59. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Adakah Kerajaan akan menyediakan kemudahan pengangkutan bagi kawasan luar bandar selain memandangkan ke arah memajukan kemudahan pengangkutan bagi kawasan bandar?

YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 - KRIAN)

60. Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

- (a) Adakah benar Maktab Perguruan Rejang akan dihentikan dan ditukar fungsinya? Apakah alasan sekiranya perkara tersebut adalah benar?
- (b) Apakah ini akan mengganggu rancangan untuk menempatkan 90% guru tempatan?

YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG NGIPA (N.33 - ENKILILI)

61. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Bilakah pihak kerajaan akan mula menaiktaraf Jalan Ulu Skrang Fasa II yang telah diluluskan oleh Kementarian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan peruntukan RM25 juta

YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 - BATU DANAU)

62. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak:

Berapakah jumlah kes/tangkapan yang berkaitan dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah bagi Daerah Limbang amnya dan kawasan DUN Batu Danau bagi tahun 2016 dan 2017?

YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

63. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Apakah inisiatif Kerajaan untuk menjadikan tebingan Sungai Batang Sadong khasnya di kawasan yang telah dibangunkan dalam projek pemulihan koridor (hakisan) Sungai Batang Sadong sebagai pusat rekreasi dan tarikan pengunjung luar di Pekan Simunjan?

YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 - MELUAN)

64. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Hospital Julau di DUN Meluan memandangkan tapak sudah ada?

YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 - KEDUP)

65. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

Berapakah jumlah permohonan bantuan bagi pekebun kecil kelapa sawit di Daerah Serian dan Tebedu bagi lima tahun yang lepas dan berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan?

YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 - TELANG USAN)

66. To ask the Minister for Urban Development and Natural Resource:

- (a) What is the possible cause of increased frequency of flood at Longhouses in Ulu and Middle Baram as some quarters blame it on the extensive logging?
- (b) How many timber logging companies are operating in Ulu Baram i.e.: Long Lama to Long Banga?

YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 - LAMBIR)

67. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Berapakah jumlah menara telekomunikasi yang sedia ada dan berapakah jumlah yang akan dibina baru di DUN Lambir?

YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 - MURUM)

68. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

- (a) Apakah status pelaksanaan menaiktaraf jalan-jalan tanah merah atau jalan-jalan bekas balak ke Skim penempatan Tegulang, Metalun, Lusong Laku, Long Urun dan Ulu Jelalong, Tubau serta bina baru jalan alternatif ke Lusong Laku?
- (b) Bilakah ia dilaksanakan dan dijangka akan disiapkan?

YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 - MERADONG)

69. To ask the Minister for Local Government and Housing:

What is the Government's plan to solve the problem of lack of parking spaces at Klinik Kesihatan Bintangor that has troubled the people of Meradong for years and when will it be implemented?

YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 - BALINGIAN)

70. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak:

- (a) Apakah tindakan Kerajaan untuk memerangi gejala dadah yang mana akan meruntuhkan generasi Y sekiranya tidak dibanteras di Sarawak?
- (b) Apakah statistik terkini penagih dadah dalam pelbagai kategori di Sarawak?
- (c) Apakah langkah konkrit Kerajaan membanteras gejala penagihan dadah ini?

YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 - SAMALAJU)

71. Bertanya kepada Ketua Menteri:

Apakah cadangan Kerajaan Negeri dengan pelantar minyak yang tidak lagi produktif di perairan Sarawak?

YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 - PELAGUS)

72. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Apakah Rancangan Kerajaan untuk membangunkan semula *Pelagus Resort* di Bahagian Kapit?

YB ENCIK ALEXANDER VINCENT (N.49- NGEMAH)

73. To ask the Minister for Education, Science and Technological Research:

Are there any plans by the State Government to build vocational schools in the Upper Rajang Basin in the near future considering that the course itself is very popular amongst rural school leavers and could provide Sarawak with the workforce needed?

YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 - JEMORENG)

74. Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi:

- (a) Selaras dengan Malaysia Agreement 1963, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan guru subjek Agama Islam yang belum selesai?

- (b) Berapakah nisbah guru tempatan berbanding guru bukan tempatan yang mengajar subjek Agama Islam dan bilakah keseluruhan jawatan ini dapat diisi oleh anak tempatan?

YB DATUK AMBROSE BLIKAU ENTURAN (N.62 - KATIBAS)

75. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Majlis Daerah Kapit pada tahun 2015, 2016 dan 2017?
(b) Berapakah dari jumlah tersebut disalurkan ke DUN Katibas untuk setiap tahun berkenaan?

YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 - LAYAR)

76. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Apakah kawasan yang sudah diwartakan sebagai Kawasan Tadahan Air (*Water Catchment Area*) untuk DUN Layar?

YB IR AIDEL LARIWOO (N.24 - SADONG JAYA)

77. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:

Berapakah kos untuk melengkapkan jaringan jalan pesisir dan jambatan-jambatan dan bilakah pelaksanaannya akan dimulakan?

YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 - KRIAN)

78. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

- (a) Berapakah jumlah pekebun kecil yang telah memohon bantuan subsidi tanaman kelapa sawit di Jabatan Pertanian Saratok khasnya dan Sarawak amnya?
(b) Berapa ramai daripada permohonan tersebut dijangka akan dapat ditunaikan?
(c) Berapakah anggaran perbelanjaan untuk rancangan tersebut?

YB ENCIK JOHNNICHAL RAYONG NGIPA (N.33 - ENKILILI)

79. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah:

Apakah potensi penanaman buah-buahan seperti nanas, durian, kelapa dan sebagainya untuk menjadikan Sarawak sebagai Food Basket negara?

YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 - BATU DANAU)

80. Bertanya kepada Menteri Utiliti Sarawak:

Bilakah kerja-kerja penyambungan paip bagi membekalkan air bersih dari persimpangan Jalan Ukong ke kawasan Pekan Nanga Medamit dilaksanakan?

YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

81. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Adakah Kerajaan ingin menaik elaun Ahli Majlis atas sumbangan dan perkhidmatan mereka membantu ke arah pembangunan di Sarawak?

YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 - LAMBIR)

82. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan:

Apakah tindakan Majlis Bandaraya Miri dan Kementerian dalam menangani masalah banjir kilat di kawasan perumahan Taman Tunku?

4. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua

Sarawak Research and Development Council Bill, 2017

(YB Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi)

5. **Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga
Sarawak Research and Development Council Bill, 2017**
(YB Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi)

6. **Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua
Regional Corridors Development Authorities (Amendment) Bill, 2017**
*(YB Timbalan Ketua Menteri; Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II; dan Menteri
Pembangunan Perindustrian dan Usahawan)*

7. **Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga
Regional Corridors Development Authorities (Amendment) Bill, 2017**
*(YB Timbalan Ketua Menteri; Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II; dan Menteri
Pembangunan Perindustrian dan Usahawan)*

8. **Usul Pemilihan Ahli Dewan Negara**

9. **Usul Daripada Menteri**

10. **Usul Daripada Ahli Dewan Biasa**

11. **Penangguhan Mesyuarat**